

## **SKEMA LATIHAN BAHAGIAN C (RINGKASAN, RUMUSAN & ULASAN)**

### **SOALAN 1 ( RINGKASAN )**

Pusat asuhan menitikberatkan kebersihan rumah jagaan mereka setiap hari merupakan salah satu usaha mencegah penyakit tangan, kaki, dan mulut. Selain itu, semua peralatan permainan dan didikan kanak-kanak perlu dicuci dengan air yang bersih dan menggunakan pencuci berklorin mengikut sukatan yang betul. Pastikan tandas dibersihkan pada setiap masa menggunakan pencuci berklorin. Seterusnya, semua tuala atau kain yang digunakan perlu dibersihkan dengan sempurna di samping meja dan kerusi perlu dilap dengan bersih menggunakan semburan pencuci klorin berkenaan. Akhir sekali, pengasuh atau guru asuhan perlu mengamalkan kebersihan tangan yang betul menggunakan antiseptik yang sesuai terutamanya selepas membersihkan kanak-kanak atau selepas menukar lampin mereka.

(97 patah perkataan)

### **SOALAN 2 ( RUMUSAN )**

Petikan membincangkan manfaat menderma darah. Antara manfaat menderma darah ialah penderma dapat merasai satu perasaan yang sangat menggembirakan apabila berjaya menolong doktor menyelamatkan nyawa orang lain. Selain itu, menderma darah dapat mengurangkan risiko kanser. Seterusnya, amalan menderma darah dapat mengurangkan jumlah zat besi yang berlebihan di dalam badan serta dapat menghindarkan risiko sakit jantung. Di samping itu, menderma darah dapat membantu penderma mendiagnosis sebarang penyakit pada peringkat awal sebelum penyakit tersebut semakin teruk. Akhir sekali, penderma akan menerima dan mengetahui analisis darah serta jenis darah secara percuma. Kesimpulannya, kita haruslah menderma darah agar dapat menyelamatkan nyawa orang.

(97 patah perkataan)

### **SOALAN 3 ( ULASAN )**

Terdapat pelbagai kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kehidupan manusia. Teknologi mampu melahirkan masyarakat yang sentiasa peka dengan perkembangan dan pergolakan dunia. Melalui kemajuan dalam bidang penyebaran maklumat, masyarakat negara ini tidak ketinggalan untuk mengikuti perkembangan semasa. Selain itu, teknologi maklumat dan komunikasi juga mampu mempercepat urusan kerja kita. Dengan satu klik sahaja, maklumat yang diperlukan dapat kita peroleh. Kemaslahatan seterusnya, kita juga dapat berkomunikasi tanpa sempadan. Kita dapat berhubung dengan sesiapa sahaja sama ada di laman sosial, e-mel, Skype dan sebagainya. Konklusinya, kita perlu menyediakan diri untuk mempelajari pengetahuan baharu berkaitan teknologi maklumat agar tidak dianggap seperti katak di bawah tempurung.

\* isi tersurat

\* isi tersirat

(103 patah perkataan)